

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 24 April 2016 12:33
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEMAI BUDAYA KERJASAMA INDONESIA - MALAYSIA



24 APRIL 2016 / 16 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SEMAI BUDAYA KERJASAMA INDONESIA - MALAYSIA



ANJUNG TAMU ONLINE: : Kepelbagaian berseni kreatif landskap dalam membina idea-idea baru berjaya mencorakkan persekitaran pembelajaran yang kondusif sekaligus telah menghiasi perspektif dua delegasi dari Indonesia tentang UUM secara global.

Setelah mendengar penjelasan mengenai Universiti Pengurusan Terkemuka di Welcome Centre, Rektor Universiti Sarjanawiyata Tamansiswa (UST) Indonesia, Dr. Hj. Pardmin M.Pd yang diiringi oleh Penasihat Lembaga Pengarah UST Prof. Dr. Mifedwil Jandra telah memberi kata sepakat bahawa tujuan mereka ke Malaysia bagi menjalin kerjasama, kemasukan pelajar, khidmat masyarakat serta kerjasama antarabangsa bersama UUM.

Kata Dr. Jandra, “saya sangat gembira sekali berkunjung ke sini dengan sambutan dan hospitaliti yang menarik hati kami berdua”.

“Semoga maju terus bersama UUM”, ujarnya lagi.

Selain itu, delegasi turut meluangkan masa di *Gift Shop* yang menyediakan pelbagai cenderamata kenangan untuk dibawa pulang.

Dalam pada itu, sebelum menghadiri aturcara yang disusun oleh Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof. Pardimin berkata, “saya berharap agar hubungan UST dengan UUM dipertingkatkan dan direalisasikan dalam masa terdekat”.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

